

Program Jualan Keluarga Malaysia diperluas, lebih kerap diadakan

Oleh Zanariah Abd Mutalib - Julai 18, 2022 @ 7:36pm
zanariah_mutalib@bh.com.my



Menteri Komunikasi dan Multimedia, yang juga Pengerusi Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi, Tan Sri Annuar Musa (kiri) ketika sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa pasukan khas itu di Parlimen hari ini. Turut hadir Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Alexander Nanta Linggi (kanan). - FotoBERNAMA

KUALA LUMPUR: Program Jualan Keluarga Malaysia akan diperluaskan ke lebih 600 kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) di seluruh negara bermula bulan depan hingga hujung tahun ini,

Pengerusi Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi, Tan Sri Annuar Musa, berkata Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan Kementerian Wilayah Persekutuan juga akan turut melaksanakan program berkenaan.

Ketika ini, katanya, hanya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang menganjurkan program itu yang bertujuan memberi kemudahan kepada rakyat untuk memberi barangan keperluan asas pada harga lebih murah.

Perkara itu diputuskan dalam mesyuarat Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi di Parlimen hari ini, susulan tekanan harga barangan yang tinggi, yang masih dihadapi rakyat.

"Jika dulu program ini hanya diadakan dua kali sebulan di 222 kawasan Parlimen, kali ini ia akan membabitkan kira-kira 600 kawasan DUN dan 13 Parlimen di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan, dengan jualan diadakan setiap minggu.

"Jadinya, dalam sebulan, akan ada 2,400 lokasi premis jualan lebih murah dan akan berlangsung selama lima bulan," katanya pada sidang media di Parlimen, hari ini.